

30 AUG 2003

Abdullah-Sabotaj

ABDULLAH YAKIN TIDAK AKAN BERLAKU SABOTAJ DALAM PILIHAN RAYA

KEPALA BATAS, 30 Ogos (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yakin tidak akan berlaku perbuatan sabotaj oleh wakil rakyat Barisan Nasional yang tidak dicalonkan semula pada pilihan raya umum akan datang.

"InsyaAllah, saya yakin tak akan wujud sabotaj," katanya ketika diminta mengulas mengenai ikrar wakil rakyat BN di Langkawi baru-baru ini untuk terus menyokong BN walaupun tidak terpilih sebagai calon.

"Ikrar wakil rakyat BN ini menunjukkan mereka mengutamakan parti dan sikap inilah yang kita mahu untuk menjamin kemenangan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kejohanan Bola Sepak 9 Sebelah Tertutup Pulau Pinang bagi merebut Piala Timbalan Perdana Menteri.

Abdullah yang juga Timbalan Presiden BN berkata persiapan bagi menghadapi pilihan raya umum berjalan dengan baik, dan ahli menunjukkan semangat kepartian tinggi yang diharap akan tetap tinggi apabila pilihan raya diadakan.

"Apa yang penting, kita mahu BN mendapat kemenangan dan bukan individu kerana setakat individu ia tidak dapat menyumbang apa-apa," kata Abdullah yang akan mengambil alih teraju BN dari Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Oktober ini.

Abdullah berkata BN berazam untuk terus memenangi pilihan raya umum akan datang bukan untuk tujuan bermegah-megah tetapi kerana mahu terus menawarkan sebuah kerajaan yang cekap dan bertanggung jawab untuk mencapai Wawasan 2020.

Sebelum itu dalam ucapan perasmian, Abdullah berkata kerajaan berazam memperkasakan tenaga muda negara menerusi pendidikan bermutu, akhlak yang baik serta semangat patriotisme supaya mereka menjadi pemimpin yang bertanggungjawab dan dapat memberi sumbangan terbaik untuk kemajuan negara pada masa depan.

Katanya, generasi muda negara ini harus faham bahawa mereka mempunyai tanggungjawab untuk memajukan negara pada masa depan dan tidak boleh mengelak untuk memikul tugas itu.

Katanya, kerajaan telah melaksanakan pelbagai kemudahan yang terbaik bagi mereka menuntut pelbagai ilmu pengetahuan dan kemahiran bagi menyediakan mereka menjadi pemimpin pada masa depan.

"Tak kira apa jawatan yang dipegang baik dalam sektor swasta atau kerajaan, mereka mesti ada hasrat, kesungguhan dan kebolehan untuk memberi sumbangan terbaik membangunkan negara," katanya.

Abdullah berkata kejohanan bola sepak anjuran Pergerakan Pemuda BN itu merupakan program baik yang memberi peluang kepada anak muda pelbagai kaum untuk berinteraksi sesama mereka.

Katanya, program itu akan dijadikan acara tahunan sebelum sambutan Hari Kebangsaan dan akan diperbesarkan jika mendapat sambutan baik.

Sebanyak 123 pasukan mengambil bahagian dalam kejohanan dua hari itu.

Johan bagi kategori terbuka akan mendapat hadiah RM3,000 berserta piala dan hadiah iringan manakala johan bagi kategori bawah 15 tahun akan menerima RM1,000 berserta piala dan hadiah iringan.

-- BERNAMA

NH ZS MOZ